

'Menunggu kampung tenggelam'

» Penduduk kawasan berisiko gesa bina tembok penghadang lebih tinggi

Oleh Kandau Sidi, Akmal Syazwan Abdul Manaf, Abdul Rahemang Taiming dan Mohd Syazwan Othman
bhnews@bh.com.my

► Tumpat

"Kalau benar ramalan kampung ini akan tenggelam dalam tempoh 84 tahun lagi, saya reda," kata Mat Yunan Majid, 64, dari Kampung Pantai Sri Tujuh, dekat sini.

Itu reaksi penduduk asal kampung berkenaan apabila dimaklumkan penempatan terbabit antara kawasan pesisiran pantai di empat negeri yang diramal bakal tenggelam menjelang tahun 2100 kerana peningkatan aras laut ketara.

Berdasarkan unjuran daripada kajian saintifik antarabangsa, peningkatan aras laut tertinggi di Semenanjung adalah di pesisiran pantai Kedah iaitu 0.52 meter, diikuti Kelantan pada 0.47 meter, pesisiran pantai Tawau di Sabah dengan unjuran peningkatan tertinggi 1.06 meter dan Miri, Sarawak pada aras 0.59 meter.

Mat Yunan yang tinggal di kampung berkenaan sejak lahir, ber-

kata pendedahan mengenai perkara itu oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Dewan Rakyat semalam, tidak mengejutkannya kerana kampung itu sudah mengalami hakisan pantai teruk sejak beberapa tahun lalu.

Tinggal sejarah

"Sedih memang sedih kerana kediaman kami pun mungkin tenggelam nanti, tapi siapa boleh menolak kuasa alam. Mungkin kawasan sekitar pantai ini akan tinggal sejarah untuk generasi akan datang, malah sekarang pun ada sebahagian kampung sudah tenggelam ditelan lautan akibat hakisan pantai yang teruk," katanya.

Jiran sekampungnya, Fauzi Ibrahim, 47, pula masih mengharapkan pihak berkuasa berkaitan mengambil tindakan susulan bagi mengelak hakisan dan menghalang kampung itu daripada tenggelam demi masa depan generasi akan datang.

Di Kedah, penduduk berhampiran pantai khususnya di Kuala Kedah turut menggesa pihak berwajib segera mengambil langkah sewajarnya, termasuk membina tembok khusus sebagai penghadang untuk mengelak limpahan air laut ke penempatan mereka.

Peniaga di Pantai Leman, Saad Mustafa, 64, mengakui kluatir dengan ramalan itu, apatah lagi sudah lebih 10 kali kejadian air laut melimpah ke pantai, termasuk ke dalam gerai miliknya setiap kali fenomena air pasang besar di perairan Kuala Kedah.



Mohd Afandi menunjukkan kawasan belakang rumahnya yang sering dilanda ombak besar berikutan tembok yang tidak cukup tinggi di Kampung Batu Payung, Tawau.

[FOTO ABDUL RAHEMANG TAIMING/BH]

"Lazimnya air pasang besar adalah pada awal atau penghujung bulan antara Jun hingga Julai yang menyaksikan air laut melimpah ke darat. Itu baru air pasang besar, bayangkan jika paras air laut meningkat sehingga hampir setengah meter seperti diramal, saya tidak tahu apa akan berlaku," katanya.

Keluar duit bina tembok

Saad berkata, beliau mengeluarkan sendiri belanja sebanyak RM20,000 untuk membina tembok penghadang menggunakan batu kira-kira lima tahun lalu bagi mengelak air laut melimpah ke dalam gerai miliknya, namun berharap penyelesaian lebih sistematik diambil oleh kerajaan.

Penduduk Kuala Kedah, Maizatul Akmar Abbas, 29, berkata manusia tidak dapat menolak ketentuan Allah, namun kerajaan boleh mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak kejadian lebih buruk.

"Kali terakhir air pasang besar di kawasan ini ialah dua tahun lalu. Ketika itu, air laut melimpah sehingga ke jalan raya. Fenomena air pasang tidak kira masa, kadang-kadang boleh berlarutan sehingga dua jam," katanya.


Di Tawau, antara kawasan berisiko tenggelam ialah Kampung Batu Payung, Batu 4, Kampung Titingan, Tanjung Batu dan sebahagian bandar Tawau yang terletak berhampiran laut.

Ketua Kampung Batu Payung, Amit Antong, 65, berharap langkah memastikan kawasan pesisir pantai tidak terjejas diambil segera menerusi pembinaan benteng lebih tinggi dan kukuh, terutama di kawasan berisiko tenggelam ketika musim tengkujuh atau sering dibadai ombak besar.

Seorang lagi penduduk, Mohd Afandi Jaafar, 55, berkata benteng sedia ada tidak cukup tinggi untuk menghalang ombak besar daripada membadai kawasan rumahnya.



Jangkaan peningkatan aras laut di empat negeri menjelang 2100



*Unjuran kenaikan aras laut adalah berdasarkan kajian saintifik antarabangsa

'Cadang pindah penduduk'

Kuala Lumpur: Pelbagai langkah penyelesaian dicadangkan susulan ramalan beberapa kawasan di empat negeri bakal tenggelam menjelang tahun 2100, termasuk memindahkan penduduk dari kawasan berisiko.

Di Tawau, Presiden Majlis Perbandaran Tawau, Alijius Sipil, berkata tiada masalah untuk penduduk di kawasan pesisir pantai sekitar bandar itu, terutama dari penempatan sementara dan setinggian dipindahkan.

"Bagi program pembangunan pada masa depan seperti naik taraf atau membesarkan bandar Tawau pula boleh membabitkan kerja penimbusan kawasan rendah seperti di Kampung Titiangan. Selain itu, membina sistem perparitan lebih teratur di muara sungai dan pesisir pantai boleh diberi keutamaan.

"Kalau ada projek pembangunan semula bakal dijalankan di kawasan bandar, kami bercadang meletakkan syarat pemaju melaksanakan sistem perparitan dan penambakan kawasan rendah sebelum kelulusan diberikan," katanya.

Bina benteng penghadang

Di Miri, Menteri Muda Perhubungan Sarawak, Datuk Lee Kim Shin, berkata lebih banyak benteng penghadang perlu dibina di pesisir pantai di bandar raya Miri sebagai langkah penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah hakisan.

Selain Miri, beliau berkata, sekurang-kurangnya dua lagi lokasi di wilayah utara Sarawak, termasuk Sibuti dan Benu



Sebahagian penduduk melihat paras permukaan air laut yang dijangka naik akibat peningkatan aras laut di Pantai Sri Tujuh, Tumpat. (FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH)

wak, termasuk Sibuti dan Benukenu dikenal pasti berisiko tenggelam sekiranya tindakan segera tidak diambil kerana isu peningkatan paras air laut bukan perkara baharu, terutama di kawasan pesisir pantai di wilayah utara.

"Hakisan pantai yang serius sudah berlaku di sepanjang pesisir pantai Miri, Sibuti dan Benukenu yang memerlukan perhatian serius. Langkah pencegahan sewajarnya perlu dilaksanakan segera kerana masalah hakisan menyebabkan rumah penduduk rosak, terutama ketika musim tengkujuh dan ombak besar," katanya.

Di Kota Bharu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Ir Shahimi Sha-

rif, berkata pihaknya tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai jumlah kawasan yang bakal terjejas akibat peningkatan aras air laut.

"Dari segi langkah pencegahan pula, kami tidak mampu berbuat apa-apa kecuali memindahkan penduduk dari kawasan berisiko jika situasi itu berlaku," katanya.

Kelmarin, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dilaporkan berkata, kementerannya mencadangkan projek tebatan banjir menerusi pembinaan tembok penghalang di empat negeri terbabit dinaikkan daripada ketinggian 1.2 meter kepada 1.8 meter untuk mencegah hakisan.

Saad menunjukkan batu yang dijadikan penghadang ombak

di hadapan kedai makan miliknya di Pantai Leman, Kuala Kedah.

(FOTO AMRAN HAMID/BH)